



(Gambar atas) **ANTARA** peserta cilik yang menyertai program itu.

(Gambar kiri) **PESERTA** ketika di atas feri menuju ke Labuan.

(Gambar kanan) **SESI** mengibarkan jalur gemilang di dalam keretapi.



AKTIVITI SS di pusat sumber Rumah Anak Yatim Al-Aman Beaufort.

Labuan destinasi baharu

► Program Kembara Merdeka anjuran Kelab Rakan Pustaka (KRP) Politeknik Kota Kinabalu

UB 1.10.14 B1

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

BUAT kali kedua penganjurannya, program Kembara Merdeka anjuran Kelab Rakan Pustaka (KRP) Politeknik Kota Kinabalu (PKK) melangkah lebih jauh dari destinasi program sebelum ini.

Pengembaraan rombongan kembara kali ini memilih Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pilihan untuk melaksanakan misi Kembara Merdeka.

Program yang dinamakan Kembara Merdeka serta Kembara Kasih Bersama Keretapi Negeri Sabah dan Feri Labuan itu turut mendapat kerjasama dari

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Kumpulan Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP), dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Mohd Fuad Stephen.

Pengerusi program yang juga Pustakawan Kanan PKK Ali Rashid berkata, pengembaraan bermula dengan menaiki keretapi dan seterusnya menggunakan feri Labuan menuju ke destinasi lawatan iaitu Kolej Matrikulasi Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Menurutnya, sepanjang perjalanan menaiki keretapi, para peserta akan bergerak di gerabak yang berbeza

untuk mengedarkan jalur gemilang, bendera negeri Sabah serta surat khabar *Utusan Borneo* dan *Borneo Post*.

"Kedua-dua surat khabar ini ditaja oleh See Hua Marketing sebagai usaha untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat khususnya di Sabah.

"Selain itu, para penumpang dan peserta bersama-sama menyanyikan lagu-lagu patriotik sambil mengibarkan bendera," jelasnya.

Beliau berkata, lokasi pertama yang dikunjungi adalah Rumah Anak Yatim Al-Aman Beaufort dan semua peserta berkesempatan beramah

mesra dengan penghuni di rumah berkenaan.

Katanya, turut diadakan aktiviti membaca, gotong royong dan keceriaan di perpustakaan serta surau.

Ali berkata, bagi menambah koleksi bahan bacaan di perpustakaan, PPM menyumbangkan buku kepada perpustakaan di rumah itu.

Pada masa sama jelasnya, wakil Persatuan Alumni UMP menyerahkan sumbangan alat tulis kepada anak-anak yatim bagi pihak Celcom.

"Selesai aktiviti di Rumah Anak Yatim Al-Aman Beaufort, perjalanan diteruskan ke stesen feri Menumbok bagi meneruskan program bersama penumpang feri.

"Selepas sesi taklimat kepada penumpang, para peserta mula mengedarkan jalur gemilang dan mengadakan aktiviti lain termasuklah nyanyian beramai-ramai dan kuiz kemerdekaan.

"Sambutan daripada para penumpang sangat memberangsangkan dengan penglibatan dan sokongan yang hebat sepanjang program berlangsung," katanya.

Sebaik tiba di Labuan jelasnya, sesi diskusi ilmiah bersama ahli Kelab Perpustakaan Kolej Matrikulasi Labuan (Kerap) diadakan bagi berkongsi idea dan pendapat untuk meningkatkan lagi ukhawah dan kerjasama sebagai ahli kelab.

Pada hari berikutnya, kembara merdeka ini diteruskan dengan lawatan sambil belajar di Perpustakaan UMSKAL.

Menurutnya, melalui lawatan itu, para peserta berpeluang menyaksikan pemandangan seluruh Labuan dari pusat tinjau/cerap di aras 13 kampus berkenaan.

Beliau berkata, lawatan berkenaan turut diserikan dengan aktiviti ziarah dan ramah mesra bersama keluarga ahli kelab dari Labuan.

Ali berkata, destinasi rombongan diteruskan ke Muzium Maritim, Taman Chimney dan 'Labuan War Memorial'.

Sementara itu, Pengerusi PPM Zawawi Tiyunin berkata, program berkenaan bukan sahaja satu program khidmat masyarakat semata-mata, malah ia memberi pendekatan pembudayaan ilmu dan membaca kepada seluruh lapisan masyarakat.

"Program ini juga berjaya mempromosi PKK sebagai institusi pendidikan tinggi pilihan utama melalui

semangat kekeluargaan dan kerja berpasukan tinggi yang ditunjukkan sepanjang program berkembar ini diadakan.

"Ia sekaligus memperkenalkan kepada masyarakat peranan dan fungsi PPM dalam melahirkan komuniti yang berbudaya membaca dan berilmu," katanya.

Beliau berharap, program berkenaan dapat diteruskan dan diperluaskan ke seluruh Sabah kerana pihaknya yakin ia memberi impak tinggi kepada masyarakat.



SEMUA peserta merakamkan kenangan sebaik tiba di Stesen Keretapi Beaufort.